Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp 382-398
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118825

TAZKIYAH AL-NAFS DALAM NOVEL RIḤLAH ILĀ ALLĀH KARYA NAJIB AL-KILĀNI: ANALISIS BERDASARKAN PEMIKIRAN IMAM AL-GHAZALI

TAZKIYAH AL-NAFS IN THE NOVEL RIḤLAH ILĀ ALLĀH BY NAJIB AL-KILĀNI: AN ANALYSIS BASED ON IMAM AL-GHAZALI'S THOUGHT

Maimanah Binti Samsuri[1*]

[1] UiTM Cawangan Pahang, Kampus Raub, Akademi Pengajian Bahasa, Raub 27600, Pahang, Malaysia
(E-mail: maimanah@uitm.edu.my)
*Corresponding author: maimanah@uitm.edu.my

Article history
Received date : 15-10-2026
Revised date : 16-10-2026
Accepted date : 6-11-2026
Published date : 10-11-2026

To cite this document:
Samsuri, M. (2026). Tazkiyah Al-Nafs Dalam Novel Riḥlah Ilā Allāh Karya Najib Al-Kilāni: Analisis Berdasarkan Pemikiran Imam Al-Ghazali. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED),* 11 (88), 382-398.

Abstrak: *Novel Riḥlah ilā Allāh karya Najib al-Kilāni sarat dengan nilai kerohanian yang berpotensi merawat krisis spiritual masyarakat moden. Walaupun karya Najib al-Kilāni banyak dikaji dari aspek dakwah dan pemikiran Islam, kajian yang meneliti tazkiyah al-nafs berdasarkan perspektif Imam al-Ghazali masih terhad. Kekurangan ini meninggalkan ruang penyelidikan yang ketara, terutamanya dalam meneliti transformasi kerohanian watak melalui fasa takhalli, tahalli, amaliyyah, dan natijah secara sistematik. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti elemen tazkiyah al-nafs, menganalisis penerapannya dalam pembangunan kerohanian watak, dan menghuraikan natijah tazkiyah al-nafs yang digambarkan dalam novel tersebut. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berasaskan pendekatan analisis tekstual. Pengumpulan data primer dilakukan menerusi novel Riḥlah ilā Allāh dan kitab Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn, yang kemudiannya dianalisis menggunakan gabungan analisis kandungan deduktif dan tematik. Pengecaman data memfokuskan kepada unsur-unsur kerohanian melalui perkembangan watak, konflik, dan perjalanan spiritual. Dapatan kajian menunjukkan bahawa proses tazkiyah al-nafs diterapkan melalui elemen takhalli, tahalli dan amaliyyah yang akhirnya membawa kepada natijah pembentukan peribadi Muslim yang lebih baik. Kajian ini membuktikan bahawa novel Najib al-Kilāni berperanan sebagai medium pendidikan kerohanian yang selaras dengan prinsip tazkiyah al-nafs dalam Islam.*

Kata Kunci: *Imam Al-Ghazali, Najib al-Kilāni, Novel Rihlah Ilā Allah, Tazkiyah Al-Nafs*

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp 382-398
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118825

Pengenalan

Latar Belakang

Kesusasteraan berteraskan Islam memainkan peranan utama sebagai medium pelambangan nilai kerohanian dan pemikiran manusia. Bidang ini menggambarkan hubungan insan dengan Pencipta menerusi landasan akidah yang mencerminkan pandangan Islam terhadap alam (al-Thahir Muhammad Ali, 1989; Rosni Samah, 2015). Kebangkitan aliran sastera Islam muncul hasil daripada kesedaran untuk menangani pergolakan pemikiran yang memisahkan seni daripada agama, sekali gus mengubah fungsi sastera daripada sekadar alat hiburan atau memuji golongan tertentu kepada wadah dakwah (al-Basha, A. R. R., 1998). Sejarah Islam membuktikan bahawa karya kreatif berpandukan al-Quran dan al-Sunnah tidak dilarang, sebaliknya direstui sebagaimana Rasulullah SAW merestui puisi perjuangan para Sahabat seperti Hassan bin Thabit, Ka'ab bin Malik, dan Abdullah bin Rawahah (al-Basha, A. R. R. 1998). Gagasan ini dipelopori oleh Abu al-Hasan al-Nadwi sehingga tertubuhnya Liga Kesusasteraan Islam Sedunia bagi membuka lebih banyak peluang kepada ilmuan-ilmuan Islam mengkaji dan memberi pandangan berkait kesusasteraan Islam atau *Al-Adab Al-Islami* (Ibn Khuwayyah, A., 2019; Rahmah Ahmad Othman & Mohd Shahrizal Nasir, 2011; Rosni Samah, 2015).

Kehadairan ruang baru ini telah membawa kepada perkembangan pemikiran sastera Islam menerusi landasan teoritikal para tokoh utama seperti Sayyid Quṭb, Muḥammad Quṭb, ʿImād al-Dīn Khalīl, dan Najīb al-Kīlānī yang mendefinisikan sastera Islam sebagai pengungkapan estetika yang lahir daripada jiwa beriman untuk menterjemahkan hakikat kewujudan berteraskan tasawwur Islam (Rosni Samah, 2015; Qutub, S., 1981a; Qutub, M. 1988; al-Kilāni, N., 1987b). Gagasan tersebut secara tegas menolak doktrin "seni untuk seni" demi mengimbangi nilai keindahan bahasa dan pembinaan akhlak (Al-Kilāni, N., 1987b). Dalam konteks naratif, novel Islam berfungsi mempersembahkan konflik sosial dan penderitaan hidup berdasarkan syarak (Asma' Mohd Yusof & Nursafira Ahmad Sufian, 2019). al-Kilāni merupakan antara penulis yang banyak mengaplikasikan pemikiran sastera Islam dalam penulisan, beliau juga sangat konsisten mengangkat nilai-nilai perjuangan, realisme sosial, dan rintihan umat Islam khususnya kezaliman penguasa dan menterjemahkanya spiritual dalam karyanya (Al-Qa'ud, H. M., 1998; Maming, F & Bahjat, M. M., 2019). Selain itu, al-Kilāni bukan sahaja terkenal sebagai penulis novel dan cerita Islam Morden semata-mata, akan tetapi beliau merupakan antara tokoh Pemikir, Penyair, pengkritik dan Pengarang dalam kesusasteraan Arab-Islam Moden.

Al-Kilāni, N., (1987b) dalam kitabnya *Madkhal ilā al-Adab al-Islāmī*, beliau mengupas pelbagai isu teras kesusasteraan, termasuk perbincangan mengenai keterikatan kreativiti sastera dengan kesedaran teori, hakikat serta peranan seni dan sastera, pertalian antara bentuk dan kandungan, pengalaman estetik, serta hubungannya dengan insan dan kehidupan. Dalam menghasilkan karya sastera al-Kilāni sentiasa memberikan penekanan terhadap naratif fizikal yang sarat dengan pergolakan sosio-politik, beliau tidak pernah mengabaikan selain memberikan terhadap pembangunan kerohanian watak-wataknya, seperti yang terdapat dalam novel *Riḥlah ilā Allāh* (Perjalanan Menuju Allah).

Novel *Riḥlah ilā Allāh* merupakan sebuah karya yang mengemukakan kritikan tajam terhadap pemerintahan kuku besi yang merosakkan nilai kemanusiaan dan keimanan. Novel ini mengisahkan kekejaman yang dialami oleh tahanan perang serta tahanan politik seperti Mahmoud Saqr, Salwa, dan lain-lain di bawah penguasaan komander penjara, Atwa Al-

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp 382-398
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118825

Malawani seorang yang angkuh, kejam, dan sanggup melakukan apa-apa sahaja demi mendapatkan pengakuan palsu daripada tahanan. Konflik menjadi semakin rumit apabila Nabila, tunang kepada Atwa yang juga seorang guru taat agama, ditangkap dan dipenjarakan atas tuduhan menghasut. Sewaktu berada di dalam penjara, Nabila bertemu dengan Salwa, seorang wanita tidak bersalah yang dipukul dan diancam maruahnya hanya kerana suaminya dituduh sebagai ahli Ikhwanul Muslimin. Pengalaman pahit melihat penindasan secara langsung ini menghancurkan kepercayaannya terhadap sistem keadilan kerajaan. Peristiwa tersebut meninggalkan trauma mendalam kepada Nabila sehingga menyebabkan beliau mengalami tekanan emosi yang berat serta serangan sawan, walaupun akhirnya dibebaskan menggunakan kuasa dan pengaruh tunangnya, Atwa.

Selain penderitaan fizikal yang dihadapi oleh tahanan, ia turut menggambarkan usaha tahanan untuk bertahan hidup dan beusaha untuk melarikan diri daripada kezaliman dan kekejaman. Perjuangan ini selari dengan konflik batin dalam pencarian Rohani untuk memahami erti kebenaran, ketuhanan, dan penyucian jiwa Ketika berhadapan dengan dengan ujian yang berat. Bagi memahami dimensi kerohanian ini, kajian ini mengaplikasikan kerangka pemikiran Imam al-Ghazali, beliau merupakan tokoh ilmuwan yang berautoriti dalam menyatukan ajaran syariat dan tasawuf. Pemikiran beliau tentang penyucian jiwa menyediakan panduan yang menyeluruh untuk menilai perubahan moral manusia, sekali gus membuktikan bahawa ilmu tasawuf klasik tetap relevan untuk menganalisis karya sastera moden. Menerusi kerangka ini, proses transformasi psikologi dan kerohanian watak diukur melalui empat fasa utama, iaitu *Takhalli* (membersihkan hati daripada sifat buruk dan kebergantungan kepada dunia), *Tahalli* (menghiasi diri dengan sifat mulia), *Al-'Amaliyyah* (tindakan nyata yang membuktikan kebenaran iman), dan diakhiri dengan *Al-Natijah* (ketenangan batin serta pembebasan jiwa yang terhasil daripada kembara kerohanian tersebut).

Kajian terhadap karya-karya *Najib al-Kilāni* telah banyak dikaji oleh pengkaji-pengkaji Muslim, akan tetapi kajian ini banyak di tumpukan kepada aspek dakwah, realisme Islam, pemikiran Islam dan isu sosial yang diketengahkan dalam novel-novelnya (al-Qa'ud, H.M., 2009; Al-Kilāni, N., 1987b). Walau bagaimanapun, penelitian terhadap aspek pembangunan kerohanian watak melalui pendekatan tazkiyah al-nafs masih terhad. Kebanyakan kajian terdahulu hanya mengenal pasti nilai moral dan keagamaan secara umum tanpa menjelaskan proses pembentukan jiwa yang mendorong perubahan tingkah laku dan perkembangan sahsiah watak. Selain itu, aplikasi kerangka tazkiyah al-nafs menurut Imam al-Ghazali, khususnya yang melibatkan elemen *takhalli*, *tahalli*, *amaliyyah* dan *natijah*, masih kurang diterapkan dalam analisis karya al-Kilāni. Keadaan ini mewujudkan kelompangan dalam memahami fungsi karya beliau sebagai medium pendidikan kerohanian dan pembangunan insan.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti elemen tazkiyah al-nafs dalam novel al-Kilāni dan menganalisis penerapan elemen *takhalli*, *tahalli* dan *amaliyyah* dalam pembangunan kerohanian watak, serta menghuraikan *natijah* yang terhasil daripada proses tersebut berdasarkan perspektif Imam al-Ghazali. Skop kajian tertumpu kepada analisis kandungan novel terpilih Najib al-Kilāni dengan menggunakan kerangka tazkiyah al-nafs al-Ghazali sebagai landasan analisis. Kajian ini memfokuskan aspek pembangunan jiwa dan transformasi kerohanian watak, tanpa memberi tumpuan khusus kepada aspek linguistik, stylistik atau struktur naratif karya.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp 382-398
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118825

Sorotan Literatur

Kajian Terhadap Karya Najib al-Kilāni dan Novel Riḥlah ilā Allāh

Sumbangan al-Kilāni terhadap kesusasteraan Islam khususnya karya-karya novel berteraskan penentangan dan penindasan dalam mempertahankan nilai-nilai Islam dan pejuangan umat Islam telah banyak kajian dijalankan oleh pengkaji-pengkaji. Kajian yang dijalankan oleh Zakiyatul Mahmudah, & Zulkarnain Mohamed (2019) dengan artikel bertajuk "*The portrayal of Najib al-Kilāni on 'Azra' Jakarta* according to the Takmillah Perspective". menceritakan sejarah dan konflik umat Islam di Indonesia pada tahun 1965 dalam mengaplikasikan teori Takmilah yang menerangkan prinsip ketuhanan dan keislaman. Kajian lain yang dijalankan oleh Muhammad Anwar Ahmad, et. al. (2022) dengan tajuk artikel "Resistance to Colonialism in "*Mawakib al-Ahrar*" by Najib al-Kilāni: An Analytical Study" telah mengupas kebangkitan rakyat Mesir menentang penjajah Perancis, dan perjuangan politik.

Kajian lain yang telah dijalankan terhadap karya al-Kilāni turut merangkumi kritikan budaya dan kebebasan gagasan sastera dalam menilai karya tempatan. Terdapat kajian yang melibatkan isu-isu kemasyarakatan dan kemanusian seperti kajian yang dijalankan oleh Kenny Andika et.al (2023) terhadap cerpen Al-Jawwu Barîd yang banyak menegahkan isu-isu wanita dan tekanan dalam kehidupan yang memaksa ia terjerumus dalam lembah kemaksiatan. Dalam kajian lain, yang bertajuk "Prinsip Nilai Islam Dalam Imam (Abdullah Hussain, 1995): Analisis Tekstual Berasaskan Kerangka Najib Al-Kilāni", oleh Mohd Taufiq, Abd Talib., et. al, (2025) telah menjadikan kerangka atau teori Najib al-Kilāni sebagai asas penganalisaan. Hasil dapatan menunjukkan bahawa prinsip dan nilai Islam dapat diterapkan melalui nilai kesopanan, sikap bersederhana,

Kajian berkaitan tema/pemikiran/kerohanian dalam novel

Novel *Riḥlah ilā Allāh* turut mendapat tumpuan sarjana menerusi pelbagai sudut pandang, terutamanya aspek sosiologi, agama, dan psikologi watak. Sebagai contoh, kajian oleh Muhammad Muzammil dan Firuz-Akhtar Kubis (2023) yang bertajuk *"Nilai Aqidah Pada Novel Rihlah Ilā Allah Karya Najib Al-Kaylani"* mengetengahkan kepentingan sifat tawakal serta keimanan kepada kitab Allah sebagai perisai rohani bagi mendepani penindasan dan kezaliman melampau yang dialami oleh para tahanan. Dari sudut psikologi sastera pula, kajian bertajuk *"Self-Actualization in Nabila's Character in the Novel Rihlah Ilā Allah by Najib Al-Kilāni: Literary Psychology Analysis"* oleh Auliya Hizbullah dan Uki Sukiman (2025) meneliti kestabilan rohani watak utama, Nabila, menerusi Teori Hierarki Keperluan Maslow. Hasil kajian mendapati bahawa Nabila berjaya memenuhi kelima-lima peringkat keperluan hidup sehingga mencapai tahap pencapaian diri (*self-actualization*) yang tertinggi.

Selain itu, dimensi sosiopolitik turut dikupas oleh Milal, M. S, (2022) dalam tesisnya yang berjudul *"Dominasi Simbolik dalam Novel Rihlah Ilā Allah"*. Beliau menganalisis pergulatan politik pasca-kejatuhan Raja Farouk menggunakan kerangka teori dominasi simbolik oleh Pierre Bourdieu. Dapatan kajian menunjukkan bagaimana rejim Gamal Abdul Nasser mengeksploitasi struktur kuasa dan modal sosial untuk menindas gerakan Ikhwanul Muslimin. Tindakan kekerasan serta ugutan mental di dalam penjara yang diketuai oleh watak Atwa Al-Malawani digunakan sebagai mekanisme dominasi bagi memaksa tahanan mengaku bersalah sebelum didera secara fizikal. Secara keseluruhannya, sorotan kajian lepas ini membuktikan bahawa novel *Riḥlah ilā Allāh* bukan sekadar catatan sejarah mengenai kezalimin rejim diktator, sebaliknya menjadi lambang keteguhan mental, kekuatan iman, dan integriti moral manusia dalam menghadapi pelbagai ujian hidup.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp 382-398
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118825

Dalam konteks kajian ini, novel *Riḥlah ilā Allāh* merupakan teks sastera Islam yang mengandungi representasi perjalanan manusia dalam menghadapi konflik kehidupan, pencarian makna, perjuangan moral dan transformasi spiritual. Kajian terdahulu terhadap novel ini menunjukkan bahawa karya tersebut mengandungi pelbagai dimensi nilai Islam serta persoalan kemanusiaan yang berkaitan dengan pengalaman watak dalam menghadapi tekanan sosial dan moral. Penelitian terhadap aspek tersebut memperlihatkan bahawa novel ini bukan sahaja mengangkat persoalan kehidupan manusia dalam konteks sosial dan keagamaan, malah turut memaparkan perkembangan dalaman watak dalam menghadapi konflik dan membentuk pendirian moral. Walau bagaimanapun, penelitian terhadap karya ini masih boleh diperluas melalui pendekatan kerohanian yang lebih khusus. Kajian yang meneliti perkembangan jiwa watak berdasarkan konsep *tazkiyah al-nafs* daripada perspektif Imam al-Ghazali dapat memberikan dimensi analisis yang berbeza, khususnya dalam menjelaskan proses pembersihan jiwa, pembentukan akhlak, pengawalan hawa nafsu dan pencapaian ketenangan rohani. Oleh itu, kajian ini menggunakan pemikiran al-Ghazali sebagai landasan teori untuk meneliti representasi transformasi spiritual dalam novel *Riḥlah ilā Allāh*.

Konsep Tazkiyah al-Nafs

Istilah tazkiyah al-nafs dari sudut bahasa dibentuk menerusi gabungan dua kata dasar Arab. Perkataan tazkiyah berasal daripada akar kata zakā (ز ك ي) yang membawa maksud kesucian, keberkatan, dan pembaikan (Al-Rāghib al-Aṣfahānī, 1992; Ibn Fāris, 1979; Ibn Manẓūr, 1993). Manakala perkataan al-nafs berakar daripada (ن ف س) berkaitan dengan hembusan nafas dan hakikat zat diri (Al-Rāghib al-Aṣfahānī, 1992; Ibn Fāris, 1979; Ibn Manẓūr, 1993). Gabungan ini mendefinisikan proses menyucikan jiwa daripada keburukan menuju kesempurnaan rohani landasan etimologi ini memberikan kefahaman asas mengenai pertumbuhan potensi kebaikan manusia. (Al-Rāghib al-Aṣfahānī, 1992; Ibn Fāris, 1979; Ibn Manẓūr, 1993).

Dalam konteks kerohanian Islam, *tazkiyah al-nafs* merujuk kepada proses transformasi kerohanian yang menyeluruh melalui penyucian jiwa daripada sifat-sifat tercela seperti riak, sombong dan kecenderungan mengikut hawa nafsu. Proses ini bukan sekadar usaha membersihkan diri daripada sifat mazmumah, bahkan melibatkan pembentukan dalaman yang seimbang melalui dua pendekatan utama, iaitu pembersihan jiwa daripada sifat tercela (*al-takhliyah*) dan penghiasan jiwa dengan sifat terpuji (*al-taḥliyah*) (Hanafani L. F., & Hambali,R.Y.A,. 2023; Sa'ari, C. Z., 2002). Pelaksanaan proses tersebut memerlukan latihan kerohanian (*al-riyāḍah*) dan kesungguhan dalam melakukan *al-mujāhadah* bagi mengawal hawa nafsu serta membanteras penyakit batin yang menghalang perkembangan rohani (Sa'ari, C. Z., 2002; Zaroug, A. H., 2013). Melalui usaha yang berterusan, penyucian hati dapat membantu manusia kembali kepada fitrah asal, membentuk kestabilan emosi dan ketenangan batin, di samping memperkukuh hubungan dengan Allah SWT (Ismail, A., et al., 2021; Sa'ari, C. Z., 2002; Zaroug, A. H., 2013). Dengan demikian, *tazkiyah al-nafs* dapat difahami sebagai proses pendidikan dan pembinaan dalaman yang menghubungkan penyucian jiwa, pembentukan akhlak serta pengukuhan hubungan manusia dengan Allah SWT.

Kajian Terhadap Tazkiyah al-Nafs Imam al-Ghazali

Hanafani dan Hambali (2023) dalam artikel mereka yang bertajuk *"Hakikat Penyucian Jiwa (Tazkiyat An-Nafs) dalam Perspektif al-Ghazali"* telah menghuraikan pandangan Imam al-Ghazali menerusi perbandingan ringkas dengan tokoh falsafah Barat (Plato dan Aristotle) serta tokoh Islam yang lain (seperti al-Kindi, Ibn Sina, Said Hawwa, dan Ibn Qayyim al-Jauziyah). Hasil kajian menegaskan bahawa al-Ghazali mendefinisikan *tazkiyat an-nafs* sebagai satu

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp 382-398
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118825

proses menyeluruh untuk mengembalikan jiwa manusia kepada fitrah ketuhanan (*rabbaniyyah*) melalui usaha membersihkan diri daripada sifat tercela (*mazmumah*) serta menghiasinya dengan sifat terpuji (*mahmudah*). Penstrukturan kaedah penyucian ini dibahagikan kepada tiga peringkat utama, iaitu *takhalli* (membersihkan diri daripada maksiat lahir dan batin), *tahalli* (mengisi jiwa dengan amalan serta sifat mulia), dan *tajalli* (pencerahan batin serta penyaksian keredaan Allah SWT).

Dalam konteks pendidikan pula, al-Maghribi et al. (2026) menganalisis sejauh mana kerelevanan konsep *tazkiyatun nafs* al-Ghazali terhadap pembentukan akhlak generasi muda dalam mendepani krisis moral dan tekanan sosial era digital. Analisis ini berasaskan karya-karya klasik al-Ghazali seperti *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, *Bidāyah al-Hidāyah*, dan *Ayyuhal Walad*, dengan memberikan penekanan kepada disiplin kerohanian seperti *mujahadah* (perjuangan melawan hawa nafsu), *riyadhah* (latihan jiwa), *muhasabah*, dan *muraqabah*. Penyelidik menggariskan bahawa proses penyucian jiwa bukan sekadar teori pencapaian rohani, sebaliknya berfungsi sebagai kerangka pendidikan sahsiah yang holistik bagi menyeimbangkan kecerdasan intelektual, emosi, dan spiritual berteraskan prinsip *i'tidal* (kesederhanaan).

Sementara itu, Ma'muroh et al. (2024) menerusi kajian lapangan di Pondok Pesantren Darut Tasbih, Tangerang, menilai pelaksanaan amali bagi tiga peringkat *tazkiyatun nafs* al-Ghazali dalam program rehabilitasi kesihatan mental serta kesejahteraan spiritual para santri. Peringkat *takhalli* diterjemahkan melalui aktiviti kawalan kendiri seperti mandi sunat taubat pada lewat malam, kelas akidah, dan ruqyah syarie; peringkat *tahalli* dilaksanakan menerusi disiplin menunaikan solat serta amalan zikir; manakala peringkat *tajalli* dicapai melalui pemerkasaan diri seperti berpuasa sunat, membaca al-Quran, dan bimbingan rohani secara intensif. Hasil kajian tersebut membuktikan wujudnya impak positif terhadap empat dimensi kesejahteraan spiritual, iaitu peribadi, kemasyarakatan, alam sekitar, dan ketuhanan.

Jurang kajian

Kajian lepas mengenai kerohanian Islam dan *tazkiyah al-nafs* mendapati bahawa kebanyakan perbincangan masih bersifat konseptual serta berpaksikan pendekatan kualitatif, terutamanya dalam konteks pembangunan rohani dan rujukan teks keagamaan. Dalam bidang kritikan sastera pula, penelitian terhadap nilai kerohanian dan akhlak sering kali dilakukan secara umum tanpa membedah proses penyucian jiwa, pembentukan peribadi, serta konflik dalaman watak dengan lebih mendalam. Keadaan ini jelas menunjukkan wujudnya jurang antara gagasan kerohanian Islam dengan aplikasinya dalam analisis sastera moden, khususnya bagi memahami erti sebenar perjalanan rohani yang diadun menerusi jalan cerita.

Dalam hal ini, novel *Riḥlah ilā Allāh* karya Najib al-Kilāni yang kaya dengan tema penderitaan, pengorbanan, kesabaran, dan pencarian hubungan dengan Allah SWT masih kurang diberi tumpuan dari sudut proses penyucian jiwa yang menyeluruh. Pada masa yang sama, pemikiran Imam al-Ghazali mengenai *tazkiyah al-nafs* yang selama ini lebih banyak dibincangkan dalam skop teks keagamaan masih kurang dimanfaatkan secara teratur sebagai kerangka untuk menganalisis karya sastera moden. Justeru itu, kajian ini amat perlu dijalankan untuk mengisi ruang kosong tersebut dengan meneliti konsep *tazkiyah al-nafs* dalam novel *Riḥlah ilā Allāh* berdasarkan perspektif Imam al-Ghazali. Penyelidikan ini memfokuskan kepada cara proses penyucian jiwa, pengawalan nafsu, dan pembentukan akhlak dizahirkan menerusi perkembangan watak serta peristiwa penting di dalam novel berkenaan.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp 382-398
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118825

Kerangka Teori

Tazkiyah al-Nafs menurut Imam al-Ghazali

Imam al-Ghazali (1058–1111M/ 450–505H) merupakan tokoh pemikir Islam yang memberikan perhatian yang luas terhadap pendidikan jiwa dan pembentukan akhlak. Menerusi karya agung *Iḥyāʾ ʿUlūm al-Dīn*, beliau menghuraikan kaedah pembaikan akhlak dan rawatan penyakit batin sebagai suatu proses pendidikan kerohanian yang bertujuan mengawal hawa nafsu serta membentuk akhlak mulia (al-Ghazali, 2005). Pemikiran tersebut mengarahkan hati manusia kepada Allah SWT sebagai asas pencapaian kebahagiaan hakiki (al-Ghazali, 2005; Sa'ari, 2002). Pendekatan ini memperlihatkan bahawa pembentukan kerohanian menurut al-Ghazali tidak terpisah daripada tuntutan syariat, bahkan menghubungkan amalan zahir dengan pembaikan keadaan batin.

Dalam kerangka pemikiran al-Ghazali, dimensi batiniah manusia melibatkan beberapa unsur yang saling berkaitan dalam pembentukan kehidupan rohani. Hati berfungsi sebagai pusat kesedaran spiritual dan berkaitan dengan keupayaan mengenal Allah SWT (al-Ghazali, 2005; Hawwa, 1999; Sa'ari, 2002), manakala roh menjadi sumber kekuatan batin yang mendorong manusia kepada kebaikan (al-Ghazali, 2005; Solihin, 2012). Akal pula berperanan membezakan kebaikan dan keburukan berdasarkan petunjuk syarak (al-Ghazali, 2005; Ma'muroh et al., 2024), sementara jiwa perlu dididik secara berterusan bagi mengawal kecenderungan syahwat dan amarah (Hanafani & Hambali, 2023; Sa'ari, 2002). Interaksi antara unsur-unsur tersebut menjadi asas kepada perubahan keadaan dalaman manusia dan pembentukan tingkah laku yang selaras dengan nilai Islam.

Transformasi jiwa berlaku melalui latihan kerohanian dan perjuangan batin yang berterusan. Proses tersebut melibatkan *riyāḍah al-nafs* untuk membentuk sifat terpuji serta *mujāhadah al-nafs* bagi melawan kecenderungan hawa nafsu (al-Ghazali, 2005; Hanafani & Hambali, 2023). Melalui proses pendidikan dan perjuangan tersebut, jiwa bergerak daripada keadaan *al-nafs al-ammārah* kepada *al-nafs al-lawwāmah* sebelum mencapai ketenangan *al-nafs al-muṭmaʾinnah* (Sa'ari, 2002). Oleh itu, pemikiran al-Ghazali menyediakan asas yang sesuai untuk meneliti perkembangan dalaman watak dalam karya sastera, khususnya perubahan sikap, pengawalan hawa nafsu, pembentukan akhlak dan pencapaian ketenangan rohani.

Unsur Batiniah manusia: Qalb, Ruh, Nafs dan 'aqal

Dimensi batiniah manusia menurut Imam al-Ghazali terbahagi kepada empat unsur kerohanian utama. Hati bertindak sebagai pusat kesedaran spiritual yang berfungsi mengenal Allah SWT (Al-Ghazali, 2005; Hawwa, 1999; Sa'ari, 2002). Sementara itu, roh menjadi sumber kekuatan batin untuk memacu kebaikan (Al-Ghazali, 2005; Solihin, 2012). Akal pula berperanan membezakan perkara baik daripada keburukan berdasarkan petunjuk syarak (Al-Ghazali, 2005; Ma'muroh et al., 2024). Di samping itu, jiwa perlu dididik menerusi latihan berterusan bagi mengawal kecenderungan syahwat dan amarah (Hanafani & Hambali, 2023; Sa'ari, 2002). Keempat-empat unsur ini saling melengkapi dalam menentukan kualiti kehidupan rohani.

Jiwa manusia mengalami transformasi dinamik menerusi latihan kerohanian dan perjuangan batin. Proses ini merangkumi riyāḍah al-nafs untuk membentuk sifat terpuji dan mujāhadah al-nafs bagi menentang hawa nafsu (Al-Ghazali, 2005; Hanafani & Hambali, 2023). Menerusi perjuangan berterusan, jiwa berkembang daripada al-nafs al-ammārah kepada al-nafs al-lawwāmah sebelum mencapai ketenangan al-nafs al-muṭmaʾinnah (Sa'ari, 2002). Sehubungan

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp 382-398
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118825

dengan itu, penataan emosi ini membolehkan manusia mencapai kestabilan akhlak yang terpuji secara konsisten. Kejayaan proses ini menjamin kesempurnaan sahsiah dan keredaan Ilahi.

Keempat-empat unsur batiniah tersebut saling berkaitan dan berperanan dalam membentuk kehidupan rohani serta tingkah laku manusia. Interaksi antara hati, roh, akal dan jiwa mempengaruhi pembentukan nilai moral dan keadaan kerohanian seseorang (Hanafani & Hambali, 2023; Solihin, 2012). Dalam proses tazkiyah al-nafs, akal berperanan membimbing jiwa dengan petunjuk yang benar, manakala roh memberikan kekuatan kerohanian untuk membersihkan hati daripada sifat-sifat tercela. Proses ini seterusnya membantu manusia mengawal hawa nafsu dan mengarahkannya kepada ketaatan kepada Allah SWT (Al-Ghazali, 2005; Solihin, 2012). Oleh itu, penyucian hati, pendidikan jiwa, pengukuhan akal dan pemantapan roh perlu dilaksanakan secara seimbang agar manusia dapat memperbaiki keadaan batinnya serta mencapai kesempurnaan diri menurut pandangan Islam (Al-Ghazali, 2005; Sa'ari, 2002).

Empat komponen kerangka analisis

Terdapat empat (4) komponen utama di tengahkan oleh Imam al-Ghazali sebagi pandangan beliau terhadap pendidikan akhlaq (tahdhīb al-akhlāq) dan latihan jiwa (riyāḍat al-nufūs). Komponen ini merupakan rumusan daripada pemikiran Imam al-Ghazali, bukannya dakwaan bahawa beliau menamakan keseluruhan sebagai suatu proses yang melalui istilah dan perbahasan seperti mujāhadah, riyāḍah, perubahan akhlak, rawatan penyakit hati, meninggalkan syahwat, pembentukan akhlak terpuji dan pencapaian keseimbangan jiwa (al-Ghazali, 2005).

Proses 1: Pembersihan Batin (*al-takhlibah*)

Komponen pertama merangkumi fasa al-takhliyah sebagai proses pembersihan jiwa daripada sifat mazmumah. Al-Ghazali menegaskan keperluan menghapuskan akhlak buruk menerusi rawatan kejiwaan yang berkesan (Al-Ghazali, 2005). Penyakit batin seperti takbur dan bakhil perlu dirawat menggunakan amalan bertentangan seperti tawaduk serta sifat pemurah (Sa'ari, 2002). Walau bagaimanapun, fasa ini tidak bertujuan memusnahkan potensi semula jadi manusia, sebaliknya mengawal nafsu mengikut pedoman syarak (Hanafani & Hambali, 2023). Pelaksanaan al-takhliyah akhirnya direalisasikan menerusi taubat, istighfar, dan pemeliharaan anggota deria serta meninggalkan segala perbuatan maksiat zahir mahupun batin dengan cara mengenal pasti, mengawal, meninggalkan dan menghapuskan sifat-sifat mazmumah dan kecenderungan hawa nafsu yang bertentangan dengan syarak (Solihin, 2012).

Proses 2: penghiasan jiwa (*al-taḥliyah*)

Komponen kedua berfokus kepada fasa al-taḥliyah untuk menghiasi jiwa dengan sifat mahmudah. Proses penyucian batin mestilah berjalan seiring dengan penerapan nilai murni agar akhlak terpuji dapat dibentuk secara konsisten (Sa'ari, 2002). Al-Ghazali menolak pandangan bahawa tabiat manusia bersifat tegar tanpa kebolehan berubah (Al-Ghazali, 2005). Pembiasaan amalan murni ini lambat-laun membentuk keperibadian unggul yang sebati dalam diri individu (Ma'muroh et al., 2024). Justeru, fasa al-taḥliyah berperanan memantapkan sifat kebaikan menerusi pengamalan ibadah berterusan.

Proses 3: Kaedah pelaksanaan (*amaliyyah*)

Komponen ketiga menggariskan kaedah amali bagi menjayakan proses latihan kerohanian secara sistematik. Pelaksanaan fasa ini melibatkan al-mujāhadah, al-riyāḍah, al-mukhālafah, al-muwāẓabah, serta pendekatan bertahap al-tadarruj (Al-Ghazali, 2005; Sa'ari, 2002). Prinsip al-

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp 382-398
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118825

tadarruj menekankan perubahan beransur-ansur yang disesuaikan mengikut tahap kemampuan serta keadaan jiwa individu (Fanani & Hambali, 2024).

Proses 4: Implikasi kerohanian (*natijah*)

Komponen terakhir memperlihatkan implikasi kerohanian atau natijah positif daripada proses tazkiyah al-nafs. Kejayaan latihan jiwa menghasilkan keseimbangan akhlak, kemurnian batin, serta pemantapan sifat mahmudah dalam keperibadian individu (Hanafani & Hambali, 2023). Seterusnya, penguasaan kerohanian ini membolehkan manusia mencapai ketenangan hakiki al-nafs al-muṭma'innah (Al-Ghazali, 2005; Sa'ari, 2002). Kemuncak implikasi tersebut memancarkan nilai maʿrifatullāh yang mengukuhkan kedekatan hamba dengan Pencipta (Solihin, 2012). Oleh hal demikian, natijah tazkiyah al-nafs menjadi kayu ukur kesempurnaan sahsiah keagamaan. Antara latihan dan pembentukan jiwa yang dilaksanakan secara berterusan:

1. Keseimbangan Jiwa (الاعتدال): keseimbangan akhlaq merupakan asas kepada kesihatan jiwa bagi meingbangi antara daya syahwat dan ghadab, sekali gus memancarkan sifat keberanian (شجاعة), dan kelembutan (حلم) (Hanafani & Hambali, 2023).
2. Penyucian hati (طهارة القلب): Penyakit hati menyebabkan manusia cenderung mencintai sesuatu selain Allah SWT secara berlebihan. Rawatan hati bertujuan mengembalikan hati kepada kecenderungan asalnya untuk mengenal, mencintai dan mendekati Allah SWT (al-Ghazali, 2005).
3. Pembentukan Akhlak (الأخلاق المحمودة): keadaan yang mantap dalam jiwa sehingga perbuatan baik dapat dilakukan dengan mudah dan tanpa pertimbangan yang panjang (al-Ghazali, 2005).
4. Kecintaan kepada Allah (محبة): Menumbuhkan rasa cinta mendalam kepada Allah SWT, maʿrifah dan ilmu. Ia merupakan matlamat yang penting dalam penyucian hati. ma'yang mengatasi segala kecenderungan duniawi (Al-Ghazali, 2005).
5. Pencapaian Al-Nafs al-Muṭma'innah (النفس المطمئنة): Peringkat tertinggi dalam mencapai ketenangan jiwa. Peringkat terendah dipanggil (Nafs ammārah) dan peringkat pertengahan (nafs lawwāmah) Capaian ini tertumpu arah menuju jiwa yang tenang, damai, dan diredai Allah (Sa'ari, 2002; Al-Ghazali, 2005).
6. Pencapaian Maʿrifah dan Kedekatan kepada Allah (تقرب): Hasil lanjutan daripada penyucian hati, dan kemuncak bagi mencapai kembara spiritual. Hanya manusia Sahaja mempunyai keistimewaan dan kemampuan mengenal hakikat tentang pencipta serta kedekatan batiniah yang mendalam (taqarrub) (Al-Ghazali, 2005; Solihin, 2012; Sa'ari, 2002).

Methodologi kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi reka bentuk analisis dokumen dan analisis kandungan teks. Pemilihan pendekatan ini berasaskan keupayaannya untuk meneroka makna, simbol, pemikiran serta perkembangan jiwa watak yang terkandung dalam sesebuah karya sastera secara mendalam (Miles et al., 2014). Dalam konteks kajian sastera, teks tidak hanya dilihat sebagai susunan bahasa semata-mata, malah berfungsi sebagai wadah yang mencerminkan gagasan pemikiran, nilai dan pandangan hidup pengarang (Mana Sikana, 2005).

Data kajian diperoleh daripada dua sumber primer, iaitu novel Rihlah ila Allah karya Najib al-Kilāni sebagai teks utama kajian dan Ihya' Ulum al-Din karya Imam al-Ghazali sebagai kerangka teori. Novel Rihlah ilā Allah dipilih kerana memaparkan perjalanan kerohanian manusia dalam menghadapi konflik keagamaan, perjuangan moral dan proses transformasi diri

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp 382-398
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118825

ke arah penghayatan Islam yang lebih sempurna. Sementara itu, Ihya' Ulum al-Din dijadikan kerangka analisis kerana karya tersebut menghimpunkan perbahasan yang komprehensif mengenai konsep penyucian jiwa, pembentukan akhlak dan pembangunan spiritual menurut perspektif Islam.

Proses pengumpulan data dijalankan melalui pembacaan secara teliti dan berulang terhadap teks novel bagi mengenal pasti petikan, dialog, peristiwa, konflik serta gambaran watak yang mempunyai hubungan dengan elemen-elemen tazkiyah al-nafs. Data yang dikenal pasti kemudiannya direkod, dikelaskan dan disusun berdasarkan tema-tema yang berkaitan dengan konsep penyucian jiwa menurut Imam al-Ghazali.
Seterusnya, data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan secara manual dengan meneliti dan mentafsir tema-tema yang muncul dalam novel berdasarkan kerangka konseptual tazkiyah al-nafs yang digariskan dalam Ihya' Ulum al-Din. Analisis ini memfokuskan kepada aspek-aspek seperti mujahadah al-nafs, taubat, sabar, tawakal, muhasabah diri dan pembinaan akhlak, serta manifestasinya dalam perkembangan watak dan jalan cerita. Dapatan kajian kemudiannya disintesiskan secara kritis dan dihuraikan secara deskriptif bagi menjelaskan bagaimana konsep tazkiyah al-nafs diaplikasikan dalam karya sastera Najib al-Kilāni serta sejauh mana pemikiran Imam al-Ghazali diterjemahkan melalui naratif novel tersebut.

Oleh kerana kajian ini hanya melibatkan analisis terhadap dokumen dan bahan yang telah diterbitkan serta tidak melibatkan subjek manusia, haiwan atau data peribadi, maka kajian ini tidak memerlukan kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan.

Dapatan dan perbincangan

al-Takhliyah dalam Rihlah ilā Allah

1. Takhalli (Pengosongan Jiwa)

Jadual 1: Takhalli (Pengosongan Jiwa)

Elemen Kajian	Perincian & Dapatan Teks
Watak & Peristiwa	Nabila - Membuang buku-buku falsafah dan literatur sekularnya selepas mengalami krisis jiwa dan penderitaan penahanan di penjara Mabihat. - Mengalami kekosongan jiwa (emptying) daripada ikatan intelek yang selama ini menjadi pegangannya, sekali gus membuang kebergantungan jiwa kepada pemikiran ciptaan makhluk.
Petikan Asal	" نهضت نبيلة من سريرها، وأسرعت صوب مكتبتها، ثم تناولت الكتب وأخذت تقذف بها عبر النافذة في ثورة، أسرع أبوها ليحاول منعها... – فيها الكثير من الخداع.. مخدرات.. زيف.. ليس فيها من الواقع شيء" "Nabila bangkit dari katilnya lalu bergegas menuju ke rak bukunya. Kemudian dia mengambil buku-buku tersebut dan mula mencampakkannya keluar dari tingkap dalam keadaan marah. Bapanya bergegas menghalangnya..." - (Nabila berkata): 'Buku-buku ini penuh dengan penipuan... racun penghayal… kepalsuan... tidak ada satu pun kebenaran daripadanya dalam realiti...'" (M/S 109 – 110)

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp 382-398
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118825

Watak & Peristiwa	Mahmoud Saqr - Mahmoud melepaskan penderitaan fizikalnya menerusi pengalaman rohani (mimpi) bertemu Rasulullah SAW. Menerusi peristiwa ini, jiwanya terangkat tinggi dan tidak lagi merasa gentar kepada kuasa tentera mahupun penderitaan jasad. - Mahmoud memilih untuk memutuskan ingatan dan ikatan jiwanya daripada ketakutan terhadap ancaman siksaan Atwa Bek. Beliau berpaling sepenuhnya daripada duniawi, melepaskan Keinginan untuk terus hidup dalam kehinaan penjara, dan menyerahkan ingatan serta rohnya hanya kepada Allah dan Rasul-Nya
Petikan Asal	"..يا أمل .. لقد زارني النبي.. واحتضنني في لهفة... الرسول ينطق يا محمود يا أمل... الرسول يعرفني يا أمل.. لقد هانت كل جبابرة الأرض في عيني... القنبلة الذرية أصبحت لعبة طفل . . قلت له : خذني معك يا حبيبي". *"Wahai Amal... Rasulullah telah menziyarahi ku... dia memelukku dengan gembiranya... Rasullulah memanggil wahai Mahmud di wajah mengenali diriku wahai Amal... Sesungguhnya seluruh penceroboh dan penguasa zalim di bumi ini telah menjadi hina dan kerdil di mataku.. Bom atom telah menjadi seperti mainan kanak-kanak.. Aku berkata kepadanya: Bawa aku bersamamu wahai kekasihku.."* (Muka Surat 38-39)
Watak dan Peristiwa	Dokter Penjara: - Tindakan kejam tersebut atas dasar etika dan kemanusiaan. - Berani berhadapan dengan Atwa Bek (seorang komandan sadis yang ditakuti). Beliau berdegil menuntut agar Mahmoud Saqr dikeluarkan dari bilik penyiksaan dan dipindahkan ke sel/hospital untuk diberikan rawatan. وغمغم الطبيب: إنه يهذى...، أشار الطبيب بيده قائلا: سيموت ولن تستفيدوا منه شيئًا ...، ن حياته لا تساوى غزة.. عند تصريح بالتخلث من كل عنيد.. خذوه إلى زنزانته اليوم، واستكملوا التحقيق غدا... *" Doktor itu bergumam, "Dia sedang meracau..." Doktor itu memberi isyarat dengan tangannya sambil berkata: kamu tidak akan mendapat sebarang faedah daripada kematiannya.. Bawa dia ke sel penjaranya hari ini dan lanjutkan siasatan esok.. Tidak semua perkara boleh diambil dengan kekerasan.."* (Muka Surat 33 & 34)

Aplikasi konsep Takhalli, iaitu proses pengosongan dan penyucian jiwa daripada sifat-sifat negatif, dapat dilihat dengan jelas menerusi tindakan empat watak utama. Nabila mengaplikasikan konsep ini dengan membuang buku-buku sekular sebagai simbolik penolakan terhadap pemikiran duniawi yang tidak memberikan ketenangan, sekali gus menyediakan ruang batinnya untuk menerima kebenaran Ilahi. Pendekatan yang sama turut diterjemahkan oleh Mahmoud Sagar apabila beliau berjaya mengosongkan jiwa daripada rasa takut terhadap ancaman material dan pemerintah zalim lalu menggantikannya dengan tawakal mutlak kepada Allah. Dalam pada itu, Yusof pula membersihkan hatinya daripada sifat keji seperti kebencian, putus asa, dan gentar terhadap musuh dengan melepaskan kebergantungan fizikal sebagai prasyarat utama mencapai ketenangan rohani (Tahalli). Melengkapkan penzahiran konsep ini, watak Doktor Penjara bertindak mengosongkan diri daripada ketaatan membuta tuli terhadap

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp 382-398
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118825

ketua yang zalim, sikap tidak berhati perut, serta ego jawatan semata-mata demi mempertahankan etika perubatan dan nilai kemanusiaan.

al-Tahliyah

Proses menghiasi jiwa yang telah bersih dengan sifat-sifat terpuji (*al-munjiyat*), zikrullah, serta kecintaan dan penerimaan terhadap Al-Quran sebagai sumber ketenangan dan petunjuk ilahi.

Jadual 2: al-Tahliyah

Elemen Kajian	**Perincian & Dapatan Teks**
Watak & Peristiwa	Nabila menerima naskhah Al-Quran (*Mushaf*) daripada Doktor (*Al-Thabib*) semasa fasa pemulihan jiwanya. - Watak memasuki fasa Tahalli. Jiwa Nabila yang telah dikosongkan kini dihiasi dengan mahabbah (kasih) terhadap Al-Quran dan penerimaan *imān* sebagai penawar (*syifā'*) ke atas penderitaan batinnya.
Petikan Asal	ابتسم الطبيب، وأخرج محفناً صغيراً... ألديك مصحف؟؟... أخرجة الطبيب من جيب سترته مصحفاً صغيراً وقال: تقبلي هذا مني هدية.. تناولته بيد مرتعشة، قربته من وجهها، قرأت ما عليه، ثم قربته من فمها في حب.. – الإيمان وحده سوف يشفيك عاجلاً.. إنه خير من أي عقار في العالم. "Doktor itu tersenyum... 'Adakah kamu mempunyai naskhah Al-Quran?'... Doktor mengeluarkan sebuah naskhah Al-Quran kecil dari poket kotnya lalu berkata: 'Terimalah ini sebagai hadiah daripadaku.' Nabila mengambilnya dengan tangan yang terketar-ketar, mendekatkannya ke mukanya, membaca tulisan padanya, lalu mengucupnya dengan penuh rasa kasih... (Doktor berkata): 'Iman sahaja yang akan menyembuhkanmu dengan cepat.. Ia lebih baik daripada mana-mana ubat di dunia.'" (Muka Surat 110 – 111)

Dalam konteks analisis hubungan teori, pandangan Imam Al-Ghazali yang menegaskan bahawa proses *Tahalli* menuntut penyerapan nilai-nilai kebaikan secara mendalam ke dalam lubuk hati (*al-qalb*) dapat diterjemahkan secara langsung melalui perwatakan Nabila. Tindakan beliau yang mendakap dan mengucup naskhah Al-Quran merupakan satu manifestasi rohani yang menandakan titik mula kepada penyemaian *al-sakīnah* (ketenangan) serta *maḥabbah ilahi* (cinta kepada Allah) di dalam dirinya, sekali gus berfungsi sebagai penawar yang ampuh untuk membersihkan dan menggantikan segala keresahan jiwa yang membelenggu.

Al-'Amaliyyah (Pelaksanaan/ Proses Praktikal kerohanian)

Disiplin amalan kerohanian (*mujahadah al-nafs* dan *riyadhah*) yang dilaksanakan secara tekun dan berterusan, merangkumi pembacaan zikir, doa, Al-Quran, serta ketabahan menerima ketetapan ilahi (*ridha bi al-qadha'*) di tengah-tengah cabaran fizikal.

Jadual 3 Al-'Amaliyyah

Elemen Kajian	**Perincian & Dapatan Teks**
Watak & Peristiwa	Youssef, Mahmoud Saqr, dan Para Banduan Politik - melaksanakan amalan zikir *Al-Ma'thurat* dan wirid bersama-sama di dalam zanduk/seksaan penjara. - Watak berada dalam fasa Al-'Amaliyyah (Pelaksanaan Kerohanian). Mereka mengamalkan *riadah al-ruhiyyah* melalui zikir yang konsisten, membina maqam *Sabr* (kesabaran) dan *Ridha* (kerelaan) di tengah-tengah kesengsaraan jasad.

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp 382-398
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118825

Petikan Asal	تعالوا نقرأ مأثورات رسول الله ﷺ.. وكان المأثورات عبارة عن مجموعة من الأدعية والابتهالات الواردة عن رسول الله ﷺ... وانطلق الجالسون في الزنزانة يقرأون بصوت هامس يربطه الحنين والطاعة والرضا بقضاء الله وقدره... والقلوب معلقة بالسماء Youssef berkata): 'Marilah kita membaca al-Ma'thurat Rasulullah ﷺ..' Dan Al-Ma'thurat itu merupakan himpunan doa dan ibtihal yang diriwayatkan daripada Rasulullah ﷺ... Maka mereka yang duduk di dalam sel penjara itu mula membaca dengan suara berbisik yang disulami kerinduan, ketaatan, dan keredhaan terhadap qadha' dan qadar Allah… "... manakala hati-hati mereka bergantung sepenuhnya ke langit..." (M/S 134-135)

Menghayati pandangan Al-Ghazali bahawa keteguhan rohani hanya dicapai menerusi amalan praktikal yang berterusan, sekumpulan banduan mempraktikkan hal tersebut dengan membacakan wirid Al-Ma'thurat secara berbisik dan tersusun di dalam sel penjara yang gelap. Amalan tersebut bukan sekadar rutin, tetapi bertindak sebagai wahana mujahadah mereka untuk menundukkan ketakutan nafsu ammarah, sekaligus menumpukan sepenuh ingatan kepada keagungan Allah (dhikrullah) demi membina kekuatan jiwa di sebalik tirai besi.

Al-Natijah (Implikasi Kerohanian)

Kemuncak pencapaian *tazkiyah al-nafs* yang melahirkan kemuncak maqam kerohanian seperti *Al-Nafs al-Mutma'innah* (jiwa yang tenang), *Ma'rifah* (pengetahuan hakikat ilahi), *Fana'* (kebinasaan kesedaran diri dalam cinta ilahi), dan *Tajalli* (pembukaan rahsia/cahaya kebenaran).

Jadual 4 Al-Natijah

Elemen Kajian	Perincian & Dapatan Teks
Watak & Peristiwa	Mahmud Saqr dan Para Tahanan - mengalami penyiksaan fizikal yang amat dahsyat, termasuk sebatan, pembakaran dengan puntung rokok, serangan anjing, dan penafian hak kemanusiaan. Walaupun tubuh mereka hancur akibat seksaan, mereka mencari kekuatan rohani bersama-sama di dalam sel. - menolak untuk tunduk kepada kezaliman atau mengorbankan prinsip keimanan mereka. Apabila menghadapi penyiksaan ekstrem, mereka mengubah ruang tahanan yang gelap menjadi tempat bertafakur, membaca zikir Ma'thurat, serta saling menguatkan jiwa agar tidak meletakkan pengharapan kepada manusia melainkan hanya kepada Allah. - Keteguhan iman (*al-thabat*) membolehkan jiwa mengatasi kesakitan fizikal. Penderitaan jasad tidak dapat meragut kebebasan rohani apabila hati seseorang telah terikat sepenuhnya dengan Pencipta.
Petikan Asal	وتنهد يوسف وقال: – تعالوا نقرأ مأثورات رسول الله ﷺ ... متضمنة لبعض آيات القرآن وبعض السور القرآنية ... وانطلق السبعة الجالسون في الزنزانة يقرأون بصوت هامس يربطه الحنين والطاعة والرضا بقضاء الله وقدره، تنسكب بعض الدموع، والرؤوس تنطوح في حرص ... تمتم يوسف، وقد أشرق وجهه بالفرحة الصادقة: – نحن في رحلة إلى الله 'Mari kita membaca al-Ma'thurat Rasulullah ﷺ...' yang merangkumi beberapa ayat Al-Quran dan surah-surah Al-Quran... Maka tujuh orang yang duduk di dalam sel penderitaan itu mula membaca dengan suara

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp 382-398
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118825

	berbisik yang disulami kerinduan, ketaatan, dan keredaan terhadap qada' dan qadar Allah; tumpah sebahagian air mata, dan kepala terbuai dalam kekhusyukan... Yusuf berbisik, sementara wajahnya berseri-seri dengan kegembiraan yang tulus: 'Kita sedang dalam perjalanan menuju Allah (ms. 134-135*)*
Watak dan Peristiwa	Nabila membuat keputusan tegas untuk memutuskan ikatan moral dan emosi dengan 'Atwah. Beliau menolak pujukan dan ancaman 'Atwah, melepaskan ikatan hubungan yang tidak berasaskan syariat, lalu melarikan diri ke Iskandariah untuk mencari ketenangan, merawat jiwa dengan Al-Quran, dan menyusun semula hala tuju hidupnya.
Petikan Asal	"إن رأسها يدور، وتختلط فيه أشياء كثيرة، لقد اضطربت البديهيات والمثاليات، أدركت أنها كانت غريزة ساذجة كطفلة تحبو.. لم تكن تفهم الحياة كما يجب.. ألا ما أشد غفلتها.. العذاب النفسي الذي يشتعل في داخلها.. أحالها إلى إنسانة جديدة تماماً ".تقبلي هذا مني هدية.. تناولت المصحف بيد مرتعشة.. وقربته من فمها في حب.. – الإيمان وحده سوف يشفيك عاجلاً ".. "Kepalanya berpusing, dan pelbagai perkara bercampur-aduk di dalamnya. Segala pegangan asas dan idealisme kini tergoncang. Beliau menyedari bahawa beliau sebelum ini seorang yang naif dan mentah seperti bayi yang merangkak.. Beliau tidak memahami kehidupan sebagaimana sepatutnya.. Betapa besarnya kelalaian beliau selama ini.. Azab jiwa yang membakar di dalam dirinya.. telah mengubahnya menjadi seorang insan yang benar-benar baharu." *(Sewaktu menerima naskhah Al-Quran)*: Muka surat 100 dan (110–111)

Berdasarkan pandangan Al-Ghazali, pencapaian tahap ketenangan jiwa yang mutlak (*al-nafs al-mutma'innah*) membolehkan kebahagiaan batin kebal daripada penderitaan jasmani, sekali gus membawa kepada penyingkapan spiritual (*kasjf* dan *ma'rifah*). Dalam kerangka *Al-Natijah* (hasil kerohanian), kejayaan hakiki tidak diukur menerusi kebebasan fizikal, sebaliknya dinilai melalui pencapaian kualitatif moral dan rohani. Hal ini dibuktikan menerusi watak Nabila yang memilih kebebasan rohani dan keimanan berbanding keselesaan palsu bersama penindas, serta ketabahan Mahmud Saqr bersama para tahanan yang berjaya memperoleh ketenangan jiwa (*sakinah*) di sebalik seksaan fizikal yang dahsyat. Natijahnya, mereka berjaya meraih kemenangan moral ke atas penindas seperti 'Atwah; para tahanan merasai kebebasan jiwa yang hakiki menerusi kembara menuju Allah (*Riḥlah ilā Allāh*), sedangkan penindas itu terus terbelenggu oleh runtunan hawa nafsu dan ketakutannya sendiri.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini telah berjaya mengenal pasti elemen tazkiyah al-nafs, menganalisis penerapannya dalam pembangunan kerohanian watak, serta menghuraikan implikasi tazkiyah al-nafs yang digambarkan dalam novel yang dikaji. Hasil analisis merumuskan bahawa proses penyucian jiwa watak direalisasikan melalui empat fasa utama, iaitu bermula dengan Takhalli (Pengosongan Jiwa) dan Tahalli (Penghiasan Jiwa), diteruskan dengan Al-'Amaliyyah (Pelaksanaan Praktikal), serta diakhiri dengan Al-Natijah (Implikasi Kerohanian).

Dari sudut sumbangan teori, kajian ini memperkaya korpus kesusasteraan Islam dengan menunjukkan keupayaan kerangka tasawuf klasik untuk diaplikasikan sebagai instrumen analisis watak dalam sastera moden. Dari segi praktikal pula, kerangka fasa penyucian jiwa ini

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp 382-398
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118825

dapat dijadikan panduan oleh para penulis, pengkarya kreatif, dan pendidik untuk merangka proses pembangunan watak yang patuh syariah serta sarat dengan nilai pembentukan moral secara berstruktur.

Walau bagaimanapun, skop kajian ini terhad kepada analisis tekstual terhadap sebuah novel sahaja dan tertumpu pada watak-watak utama. Oleh itu, kajian pada masa hadapan dicadangkan agar memperluas sampel kajian melalui analisis perbandingan merentas beberapa karya novelis yang berbeza. Selain itu, kajian lanjutan secara empirikal juga boleh dilaksanakan bagi mengukur impak dan penerimaan pembaca terhadap elemen tazkiyah al-nafs yang diterapkan dalam sesebuah karya kreatif.

Penghargaan
Penulis merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Kajian ini tidak menerima sebarang dana atau geran penyelidikan.

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp 382-398
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118825

References

Al Maghribi, A. K., Amirudin, Y., & Akbar, M. N. (2026). Konsep tazkiyatun nafs perspektif Imam al-Ghazali dan relevansinya terhadap pendidikan karakter. *Vicratina: Jurnal Pendidikan Islam*.

Al-Basha, 'A. R. R. (1998). *Madkhal ilā al-adab al-Islami*. Dar al-Nafa'is.

Al-Fīrūzābādī, M. Y. (2005). *Al-Qāmūs al-muḥīṭ*. Mu'assasah al-Risālah.

Al-Ghazali, A. H. (2005). *Iḥyā' ʿUlūm al-Dīn*. Dār Ibn Ḥazm.

Al-Kilānī, N., (1985a). *Rihlah ilā Allah*. Mu'assasah al-Risalah.

Al-Kilānī, N., (1987b). *Madkhal ilā al-adab al-Islami*. Dar Ibn Hazm.

Al-Rāghīb al-Aṣfahānī, A. Q. (1992). *Mu'jam mufradāt alfāẓ al-Qur'ān* (Ṣ. 'A. Al-Dāūdī, Ed.). Dār al-Qalam.

Al-Tahir Muhammad Ali. (1989). *Al-Malamih al-'Ammah li Nazariati al-Adab al-Islami*. Darul Ma'rifah.

Asma' Mohd Yusof, & Nursafira Ahmad Safian. (2019). Konsep sastera Islam oleh Muhammad Qutb dan Muhammad Uthman ElMuhammady: Satu perbandingan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. Special Issue, 1–15.

Auliya Hizbullah & Uki Sukiman. (2025). Self-Actualization in Nabila's Character in the Novel Rihlah Ilallah by Najib Al-Kilani: Literary Psychology Analysis. *Afshaha: Jurnal Bahasa dan Sastra Arab*.

Fanani, A. F., Efendi, R. S., & Muzammil, S. (2026). Tazkiyah al-nafs in Al-Ghazali's thought: A Sufi framework for enhancing mental resilience among Generation Z. *Tasfiyah: Jurnal Pemikiran Islam*, *10*(1), 77–116.

Hanafani, L. F., & Hambali, R. Y. A. (2023). Hakikat penyucian jiwa (tazkiyat an-nafs) dalam perspektif Al-Ghazali. *Gunung Djati Conference Series*, *19*, 530–540.

Hassan, M. A. (1992). *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hawwa, S. (1999). *Al-Mustakhlash fī Tazkiyah al-Anfus*. Dar al-Salam. (A. Nasir, Trans.). Pena Pundi Aksara.

Ibn Fāris, A. (1979). *Mu'jam maqāyīs al-lughah* (A. S. M. Hārūn, Ed.). Dār al-Fikr.

Ibn Khuwayyah, A. (2019). *Rābiṭah al-adab al-Islāmī al-'ālamiyyah: Al-Nash'ah wa al-masār*. Dār al-Fikr.

Ibn Manẓūr, M. M. (1990). *Lisān al-'Arab*. Dār Ṣādir.

Ismail, A., Ismail, M., & Yusof, N. (2021). Kaedah penyucian hati menurut al-Qushayri. *Jurnal Pengajian Islam*, *14*(2), 45–58.

Kenny Andika, Tatik Mariyatut Tasnimah, & Sahra Jaemi, (2023). Citra Perempuan Pelacur dalam Cerpen "al-Jawwu Barîd" Karya Najib Al-Kilāni dan "Lelaki Ke-1000 Di Ranjangku" karya Emha Ainun Nadjib. *Center of Middle Eastern Studies (CMES)*. 16 (2), P.P 125-136. https://doi.org/10.20961/cmes.16.2.76643

Ma'muroh, Abqorina, & Amrin. (2024). The concept of Tazkiyatun Nafs by Al-Ghazali and its implementation at Pesantren Darut Tasbih Tangerang. *Edu Cendikia: Jurnal Ilmiah Kependidikan, 4*(2). https://doi.org/10.47709/educendikia.v4i02.4989

Mamin'gh, F., & Bahjat, M. M. (2019). Riwāyāt Najīb al-Kīlānī wa qiyam al-qiyādah ladā al-syabāb fī iṣlāḥ al-mujtama'. *Majallat al-Dirāsāt al-Lughawiyyah wa al-Adabiyyah*, *10*(2), 232–253.

Ma'muroh, M., Abqorina, A., & Amrin, A. (2024). The concept of tazkiyatun nafs by Al-Ghazali and its implementation at Pesantren Darut Tasbih Tangerang. *Edu Cendikia: Jurnal Ilmiah Kependidikan*, *4*(2), 400-412.

Mana Sikana. (2005). *Teori sastera teksdekonstruksi*. Pustaka Karya.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp 382-398
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118825

Milal, M. S. (2022). *Dominasi simbolik dalam novel Rihlah Ilallah karya Najib al-Kilani* (Tesis Sarjana). UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta.

Mohamad Yazid Abdul Majid, Pabiyah Haji Maming @ Toklubok, & Mohd Zulkifli Ismail, (2013). 'Azra' Jakarta karya Naguib al-Kilani: Satu Bacaan Berdasarkan Gagasan Sastera Profetik. *Jurnal Melayu.* 15(1)

Mohd Taufiq Abd Talib, Pabiyah Haji maming@ Tok Lubok, & Wan Muhammad Wan Sulong. (2025). Prinsip nilai Islam dalam *Imam* (Abdullah Hussain, 1995): Analisis Tekstual Berasaskan Kerangka Najib al-Kilani. *Malaysian Journal for Islamic Studies*.

Muhammad Anwar Ahmad, Amir al-Hafiz Ali, Ilham Ramadan & Muhammad Yazid Abdul Majid, (2022). Dirasah Tahliliyyah Li Riwayah "Mawakib al-Ahrar" li Najib al-Kilānī fī Muqawamah al-isti'mar. *Journal of Linguistic and Literary Studies*, 13(2), 207-225.

Muhammad Muzammil & Firuz-Akhtar Lubis. (2023). Nilai Aqidah pada Novel Rihlah Ila Allah Karya Najib Al-Kaylani. *International Journal of West Asian Studies*. 15, 217-229.

Muzammil, M., & Lubis, F. A. (2023). The Value of Aqidah in the Novel Rihlah Ila Allah by Najib al-Kilani. *International Journal of West Asian Studies*, *15*, 217–229.

Nasir, M. S. (2016). Mesej benar dan jelas sebagai asas sastera Islam: Analisis novel Rihlah ilā Allah oleh Najib al-Kilāni. Dalam *Islam dan Pengaruh Barat dalam Kritikan* (hlm. 224–250). Penerbit UKM.

Qutb, M. (1988). *Manhaj al-fann al-Islami*. Dar al-Shuruq.

Qutb, S. (1981a). *Khasa'is al-tasawwur al-Islami wa muqawwamatuhu*. Dar al-Shuruq.

Qutb, S. (1993b). *Fi zilāl al-Qur'an*. Dar al-Shorouk.

Rahmah Ahmad Othman & Mohd Shahrizal Nasir. (2011). Sastera Islam: Satu Perbandingan Antara Pandangan Mohd. Affandi Hassan dengan Abu Ali Al-Nadwi. *Jurnal e-Utama*, *3*.

Rahman, A., & Salleh, H. (2020). Estetika sastera Islam: Analisis Gaya Bahasa Najib al-Kilani. *Jurnal Bahasa dan Sastera*, *22*(1), 55-71.

Rosmi Samah, (2015). Peranan Liga Kesusasteraan Islam Sedunia dalam Memperkasakan Wacana Sastera Islam. *Jurnal Bahasa dan Sastera Arab*, *12*(2), 88–105.

Sa'ari, C. Z. (2002). A Purification of Soul According to Sufis: A Study of al-Ghazali's Theory. *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, *3*(1), 95–112.

Solihin, S. M. (2012). *Tazkiyat al-nafs: Islamic Concepts of Purification of the Soul*. IIUM Press.

Zakiyatul Mahmudah, & Zulkarnain Mohamed (2019). Pengkaryaan Najib al-Kilani dalam Azra' Jakarta Menurut Perspektif Takmilah. *Fikiran Masyarakat*, 7(1), 11-22.

Zaroug, A. H. (2013). Mekanisme Jiwa dan Rawatan Penyakit Kerohanian Menurut al-Ghazali. *Jurnal Psikologi Islam*, *5*(1), 12–25.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0